

10/04/2001

Mersing cipta sejarah kembara puisi

AF Yassin

MENTERI Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman mungkin menjadi orang paling bahagia pada malam minggu 31 Mac lalu, andainya beliau hadir pada Malam Kembara Puisi Darul Tazim di Mersing. Ketua Pejabat Penerangan dan Penyelidikan Kerajaan Negeri Johor, Dr Khairul Azmi yang mewakili Menteri Besar malam itu terharu dengan sambutan di luar dugaan.

Sutung Umar RS, Ketua Unit Pembangunan Sastera dan Budaya Berita Harian Sdn Bhd dan Setiausaha Agung Pena, salah seorang penting Kembara Puisi Darul Tazim yang datang hampir 450 kilometer dari Kuala Lumpur kerana gembiranya menepuk belakang saya.

Katanya: "Kau banyakkkan klip gambar penonton di Sanggar Budaya ini. Aku seronok tengok penonton malam ini. Yang paling banyak pernah aku lihat pada siri baca puisi."

Dianggarkan 2,000 penonton memenuhi Sanggar Budaya yang hanya boleh memuatkan 500 orang. Jumlah yang melimpah ke luar dengan asakan dari kiri dan kanan membuatkan malam itu bagai meraikan penyanyi ternama dari Kuala Lumpur dengan pesta besar-besaran. Antara yang hadir malam itu ialah Sasterawan Negara Datuk A Samad Said, kumpulan Koprata dan deklamator cilik Iz Taufik Sazalee yang menjadi sandaran menyebabkan jumlah penonton yang datang tidak mendukacitakan.

"Saya belum pernah melihat begitu ramai penonton hanya untuk mendengar sajak. Saya tidak ke laut malam ini kerana hendak tengok temasya baca puisi. Bukan minat sangat tapi baca kain rentang mengenai baca puisi, berhajat pula hendak tengok. Apa lagi di Mersing, kedatangan orang seperti Samad dan Koprata memang kita tunggu," kata seorang penonton malam itu.

Samad secara seloroh berkata: "Yang ramai datang ini mungkin mahu melihat janggut dan misai saya." Lalu disambut gelak ketawa hadirin.

Samad orang terakhir baca puisi dan jam ketika itu hampir 12.00 tengah malam. Samad baca petikan puisi panjang Al-Amin, terutama pada bahagian kewafatan Nabi. Barangkali kerana hari telah larut malam, bacaan Samad tidak sesegar selalunya. Samad seperti membaca, dengan nada suara sedikit mendatar. Kurang jelas apakah kerana tergamam lihat ramai atau mata sudah semakin kuyu dan kepala mahu mencari bantal.

Sepuluh pembaca puisi malam itu bermula dari Dr Khairul. Kemudian naik ke pentas Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Endau, Zainal Abidin Othman membacakan Perjuangan Sepanjang Hayat yang sebenarnya menjadi tema Kembara Puisi Darul Tazim yang dilancarkan 18 Februari lalu di Saujana, kediaman Menteri Besar. Puisi itu cetusan Ghani yang melambangkan sasaran kerja utama bagi membangun negeri hujung tanah pada era global ini. Satu perjuangan yang sifatnya holistik dan menyeluruh mencakupi pelbagai bidang kehidupan, ekonomi, pendidikan, agama serta kebudayaan.

Pembaca puisi cilik Iz, putera penyair Sazalee Yaakob menghafal: Tak Terhukum Hutang Ini, ciptaan M Said Muharam. Suara nyaring sang anak kecil bagaikan begitu berat meluahkan isi puitis sajak itu dengan sesekali keluar perkataan yang mungkin belum masanya diungkapkan Iz.

Ketika dia membaca puisi, tiga saudara kandungnya yang juga masih kecil mendengar luahan Iz dari hamparan di depannya.

Boleh dibayangkan terharunya ibu dan bapa yang turut sama mendengar deklamasi Iz yang kemudiannya dipeluk cium ramai orang yang mengagumi bakatnya. Iz berjaya mencuri perhatian penonton.

Enam penyair tempatan menyerikan deklamasi, setiap orang membacakan sama ada sajak sendiri atau ciptaan penyair lain. Ahmad Hamid membaca Kerana

Mahathir; Zainal Fitri Yusof membacakan karya Sabar Bohari, Buat Generasiku; Aziz Othman, guru sekolah menengah Mersing dengan Warkah Rindu Sang Sapurba; Nazim Mohd Subari dengan Tanah Pusaka Kita karyanya sendiri; Rosdi Abdullah dengan karyanya Suara Anak Watan; Siti Maisarah Harman dengan karya Ahmad Sarju Mengusir Rindu dan Rohani Ismail dengan karya Md Saleh Rahmat, Mencari Nilam.

Sutung sendiri membaca tiga sajak salah satu daripadanya seperti mengingatkan orang Mersing dalam puisi Ingat Wahai Orang Mersing.

Acara baca puisi itu diselang-seli dengan persembahan kumpulan zapin Yayasan Warisan Johor dan kumpulan dari Mersing.

"Tarian dan nyanyian zapin menjadi penyeri dan mampu mencuri tumpuan," kata salah seorang jawatankuasa penganjur dari Pejabat Daerah Mersing. Beliau barangkali bimbang jika hanya puisi yang dibacakan malam itu, warga Mersing tidak datang berduyun.

Pandangan itu sudah lama mentradisi, tetapi Mersing mencipta sejarah dengan sikap warganya yang seperti mendapat anjakan paradigma. Bukan kerana zapin, tidak juga kerana Koprata tetapi pembauran tiga acara puisi, tarian tradisi dan nyanyian.

Koprata mendendangkan lagu puisi seperti Permata karya Allahyarham Aziz HM. Penyusun acara Kembara Puisi di Mersing perlu diberi pujian kerana Sanggar Budaya di tepi pantai itu tidak ditinggalkan kosong walau dinihari menjelang tiba.

Yang sedikit menjadi persoalan penyertaan penyair ternama Johor sendiri yang amat kurang malam itu. Pada mula dikatakan Gunawan Mahmud turut baca puisi, tapi ternyata tidak hadir. Ke mana Zam Ismail dan kawan penyair Persatuan Penulis Johor (PPJ)?

Zam hadir ketika pelancaran Kembara Puisi Darul Takzim di Saujana. Warga Mersing tentu mahu mendengar Gunawan membacakan puisi cetusan Menteri Besarnya pada malam itu seperti yang dirancang tetapi puisi Ghani dibaca Adun Endau.

Orang Mersing boleh memaafkan Datuk Dr Usman Awang kalau tidak hadir kerana kesihatannya tidak mengizinkan. Barangkali juga sambutan lebih hebat jika Usman hadir. Sebab bagi Usman, Mersing adalah juga daerah ronda waktu kecilnya ketika dia bersekolah pada 1937 selepas menerima pendidikan awal di kampungnya di Kuala Sedeli Kota Tinggi, daerah jiran Mersing.

Kurang pasti apakah yang menyebabkan penyair ternama PPJ tidak hadir. Semacam kebetulan pula ketidakhadiran mereka bertepatan dengan ketidakhadiran Menteri Besar dan Ahmad Zahari Jamil, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Guna Tenaga, Belia, Sukan dan Kebudayaan. Pada hal Kembara Puisi Darul Tazim kedua di Mersing itu adalah anjuran Kerajaan Negeri Johor dengan kerjasama Berita Harian Sdn Bhd.

Kesungguhan Johor mengadakan Kembara Puisi itu terlihat daripada usaha gigih dua orang kuat Mersing, iaitu Adun Endau, Zainal dan Pegawai Daerah Mersing, Dr Ibrahim Endan. Dr Khairul memantau dengan rapi persiapan untuk memastikan kejayaan malam itu. Masih ada beberapa daerah yang akan mengadakan Kembara Puisi secara bergilir dengan kemuncaknya di Muar. Bulan depan Kembara Puisi Darul Tazim diadakan di Kota Tinggi.

Apapun jua, bagi Mersing, kejayaan Kembara Puisi malam itu dianggap perintis kepada lebih banyak kegiatan kebudayaan dan persuratan bertaraf negeri. Beberapa sarana budaya dirancang, antaranya seperti dijelaskan Dr Ibrahim bahawa Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan memperuntukkan RM2 juta kepada pejabat Daerah Mersing untuk membina fasa dua Sanggar Budaya atau amphiteater.

Beliau berkata, Ini susulan kepada pembinaan fasa pertama amphiteater berharga RM1 juta. Sanggar yang baru siap inilah tempat berlangsungnya Kembara Puisi Darul Takzim kali kedua selepas Johor Bahru.

Ada suara pada malam itu yang mahu penganjur mengundang selebriti yang

sedang top dalam bidang seni nyanyi di samping Koprataa yang dikatakan menjadi tetamu undangan tetap pada semua Kembara Puisi Darul Takzim di setiap daerah.

Namun, warga setiap daerah di Johor mahu lebih daripada Koprataa. Paling tidak selebriti berasal Johor seperti Rohana Jalil, Noraniza Idris, Datin Orkid Abdullah dan A Halim (untuk generasi 60-an) dan Sharifah Aini.

Ini suara orang kecil Pekan Mersing. Suaranya mungkin saja mewakili sebahagian besar warga pekan itu yang selama ini terlalu asing dengan pembacaan puisi. Kudratnya Pak Malau ada bersama ribuan penonton malam itu, dia menitiskan air mata syukur kerana tidak sia-sia namanya dikaitkan dengan Mersing yang menunjukkan jalan menjayakan Kembara Puisi Darul Takzim kepada daerah lain, walaupun tanpa penyair ternama Johor.

Kerajaan Johor dan Berita Harian memberikan segala kemudahan untuk memperkenalkan dan mentradisikan Kembara Puisi di negeri hujung tanah itu.

Kembara Puisi Darul Takzim lanjutan daripada konsep Baca Puisi setiap bulan pada malam Jumaat minggu pertama yang dikonsepsikan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Pena).

Yang tinggal hanya mengisi acara dengan kepelbagaian persembahan seperti diharapkan warga Mersing. Pengisian itu tidak seharusnya diletakkan di pundak Kerajaan Johor, melalui Pejabat Penerangan dan Penyelidikan Kerajaan Negeri Johor semata-mata.

Peranan lebih aktif persatuan penulis serta badan bukan kerajaan lain amat diperlukan kerana ada ahlinya yang masih peka terhadap perkembangan puisi di Johor. Paling tidak PPJ turut sama gembira dengan Menteri Besarnya apabila melihat sambutan hangat warga daerah terhadap kehadiran baca puisi di tempat mereka.

(END)